



27 Januari 2017
27 January 2017
P.U. (B) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (PINDAAN) 2017

FREE ZONES (AMENDMENT) NOTIFICATION 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ZON BEBAS 1990

PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(2) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan) 2017**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Zon Bebas 1990 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 17 butiran yang berikut:

| (1) | (2) |
|---|-------------------|
| Nama bagi Zon Perdagangan Bebas | Aktiviti-aktiviti |
| “18. <i>Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir:</i> | Peruncitan”. |

Kawasan yang terletak di Mukim Hulu Terengganu, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu yang dilingkungi oleh garisan kelabu, merangkumi 339 buah pulau di dalamnya, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 846 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu.